



WANG dan pelbagai barang milik mangsa ah long yang disita polis sepanjang Ops Vulture yang dilancarkan di beberapa negeri baru-baru ini.



THAIVEEGAN (tengah) dan Mohd. Sakri (kiri) menunjukkan barang rampasan daripada ah long pada sidang akhbar di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman di Menara 238, Jalan Tun Razak semalam.



SEBAHAGIAN kenderaan yang dirampas daripada 29 ah long yang ditahan dalam Ops Vulture bermula 31 Julai hingga 3 Ogos lalu.

Empat sindiket cetai haram Johor lumpuh ekoran penahanan 29 individu

Ah long bersembunyi di Thailand

Oleh SYED AZLAN SYED HIZAR

KUALA LUMPUR – Beberapa ahli sindiket ah long yang bagai cacing kepanasan selepas diburu polis menyebabkan ramai dalam kalangan mereka cuba melarikan diri ke Thailand untuk mencari lokasi persembunyian.

Bagaimanapun, niat sekumpulan ah long berkenaan terbantut apabila lima daripada mereka yang cuba melepasi sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam, Kedah pada 2 Ogos lalu berjaya ditangkap.

Kelima-lima ah long berkenaan dipercayai sebahagian daripada ah long lain yang cuba mengelakkan diri daripada dicekup dalam Ops Vulture yang dilancarkan pasukan polis Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman bermula 31 Julai hingga 3 Ogos lalu.

Timbalan Pengarah Risiko dan Operasi JSJK Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohd. Sakri Arifin berkata, salah seorang daripada kelima-lima ah long yang ditahan di sempadan Malaysia-Thailand itu

merupakan ketua kepada salah satu daripada empat sindiket ah long yang ditumpaskan sepanjang empat hari Ops Vulture berlangsung.

Menurut beliau, kumpulan lima lelaki itu juga merupakan sebahagian daripada 29 individu termasuk dua wanita yang terlibat dengan empat sindiket ah long yang ditahan dalam Ops Vulture yang dilancarkan serentak di Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan.

“Kesemua yang ditahan berusia 18 sehingga 41 tahun dan mereka menganggotai empat sindiket ah long yang beroperasi di Johor Bahru sejak beberapa tahun lalu tetapi giat mencari pasaran dan pelanggan di Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang dan Kuala Lumpur,” kata beliau pada sidang akhbar di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman di Menara 238 di Jalan Tun Razak di sini semalam.

Mohd. Sakri memberitahu, Ops Vulture dilancarkan selepas polis menerima kira-kira 20 laporan daripada pengadu yang terjebak membuat pinjaman dengan kumpulan ah long tersebut.

“Keseluruhan pinjaman daripada kira-kira 20 pengadu itu berjumlah RM575,950 dan mangsa tampil membuat laporan polis selepas tidak tahan hidup dalam ketakutan kerana tindakan ah long yang ganas seperti kediaman mangsa disimbah cat, butiran peribadi dan gambar peminjam ditampal di tempat-tempat awam,” katanya.

Lebih kejam lagi, kata beliau, terdapat antara pengadu mendakwa ah long berkenaan tergarnak mengugut untuk menculik ahli keluarga mangsa sekiranya gagal melangsaikan hutang.

Mengulas lanjut, Mohd. Sakri berkata, kebanyakan mangsa ah long terjerat dengan sindiket lintah darat itu selepas mendakwa hidup melarat kerana kos sara hidup yang tinggi dan sebahagian lagi membuat pinjaman kerana kalah berjudi.

“Daripada 29 ah long yang ditahan, dua merupakan ketua kepada sindiket ah long terbabit termasuk seorang ketua ditahan ketika cuba melarikan diri ke Thailand. Dua dalang yang ditahan itu berusia 47 dan 48 tahun,” jelasnya.

Majoriti 29 ah long yang ditahan berasal dari Johor.

Sehubungan tangkapan itu, polis turut merampas 68 telefon bimbit, 51 kad pengeluaran wang automatik, 12 buah kenderaan pelbagai jenis, sejumlah komputer riba, buku bank dan pelbagai dokumen berkaitan pinjaman dengan sindiket ah long berkenaan.

Difahamkan, sebahagian ah long berkemungkinan berjaya melepasi sempadan Malaysia dan kini bersembunyi di negara jiran itu.

Sementara itu, Timbalan Pengarah II JSJK Bukit Aman, Datuk A. Thaiveegan berkata, dalam tempoh Januari sehingga Julai lalu, pihaknya merekodkan sebanyak 2,275 kes mangsa meminjam dengan ah long dan melibatkan wang RM68.8 juta.

“Lebih 50 peratus kes yang dilaporkan berjaya diselesaikan oleh polis.

“Polis menasihatkan orang ramai berfikir panjang sebelum terjebak dengan ah long yang mengenakan kadar faedah yang tinggi sehingga mencecah 15 peratus bagi setiap dua minggu,” kata beliau.

INFO Kes-kes kekejaman ah long

- **15 Mei 2017** – Seorang lelaki cedera parah di kedua-dua belah kakinya selepas terkena bom buatan sendiri yang dipercayai dipasang oleh ah long di rumahnya di Taiping, Perak
- **30 Januari 2017** – Seorang bapa cedera parah ditikam oleh ah long yang memecah masuk rumahnya di Tangkak, Johor selepas anak mangsa dikatakkan tidak membayar wang cetai haram itu
- **21 Oktober 2016** – Empat orang ah long membalak botol kaca berisi cat merah ke rumah seorang wanita warga emas dipercayai untuk menakutkan mangsa dalam kejadian di Damansara, Kuala Lumpur
- **31 Oktober 2016** – Seorang penganggur ditendang dan dipukul menggunakan kerusi oleh sekumpulan lelaki yang dipercayai ah long selepas mangsa dipercayai gagal membayar ansuran pinjaman dengan cetai haram itu di Melaka Tengah, Melaka